

U 8853 DEB
MAHATHIR - KOMPONEN

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMNO TIDAK +BERMAIN KAYU TIGA+ DENGAN PARTI-PARTI LAIN YANG MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL APABILA BERMUZAKARAH DENGAN PAS BARU-BARU INI.

MUZAKARAH ITU BERTUJUAN BERBINCANG MENGENAI TINDAK-TANDUK PARTI ITU SEKARANG YANG +MEMBAKAR HATI+ MASYARAKAT MELAYU LUAR BANDAR, KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 3,500 ORANG PEKERJA PILIHAN RAYA BN WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MUZAKARAH ITU BERTUJUAN UNTUK MENGELAKKAN PERPECAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU EKORAN TINDAKAN PARTI ITU KINI.

PERDANA MENTERI BERKATA MUZAKARAH ITU JUGA BUKANLAH BERTUJUAN UNTUK MENJEMPUT PAS MENYERTAI SEMULA BN DAN MENAMBAH KATA +SEKALI PAS MENYERTAI BN PUN SUDAH CUKUPLAH.+

PAS KINI TERPEDAYA DENGAN KATA-KATANYA SENDIRI. +DULU PAS MENUDUH UMNO KAFIR KERANA MEMANDANG UMNO BEKERJASAMA DENGAN KAUM LAIN TETAPI SEKARANG PARTI ITU PULA YANG BEKERJASAMA DENGAN KAUM ITU, + KATA BELIAU. -- LAGI.
1850MST 03 05 86

D097

U 8857 DEB
MAHATHIR - KOMPONEN 2 KUALA LUMPUR
(1)

PERDANA MENTERI MERUJUK KEPADA KERJASAMA PAS DENGAN JAWATANKUASA PERUNDING PUSAT (CCC) MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

SAMBIL MEMUJI PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG BERUCAP DALAM BAHASA MALAYSIA PADA PERJUMPAAN HARI INI, BELIAU MENYINDIR PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG +HENDAKKAN PELBAGAI BAHASA DAN TIDAK ADA SATU BAHASAPUN YANG BOLEH DIFAHAMI OLEH SEMUA.

+BILA ADA PERJUMPAAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG SATU-SATU PIHAK SAHAJA YANG FAHAM DAN BARU-BARU INI PAS KONONNYA HENDAK MENERIMA SEMUA BAHASA TERMASUK BAHASA ESKIMO.

+BUKAN MAIN LIBERAL PAS SEKARANG ... DULU BERCAKAP DENGAN ORANG BUKAN ISLAM PUN TAK BOLEH TETAPI KINI SEMUA HENDAK BAGI DAN INI CUMA CAKAP-CAKAP SAHAJA, + KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU SETERUSNYA MEMBIDAS SESETENGAH PIHAK YANG MENDAKWA ADA KETIDAKHARMONIAN KAUM YANG AGAK BESAR DI NEGARA INI. -- LAGI.
1934MST 03 05 86

D111

U 8861 DEB
MAHATHIR - KOMPONEN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, PIHAK-PIHAK ITU SEBENARNYA CEMBURU DENGAN KEJAYAAN NEGARA INI YANG PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA BERBILANG KAUM.

SUNGGUHPUN MUNGKIN ADA KETIDAKHARMONIAN RAS TETAPI INI TIDAKLAH SAMPAI KE TAHAP RUSUHAN SEPERTI YANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA LUAR KERANA +ORANG MALAYSIA+ SUKA KEPADA KEAMANAN, KATANYA DISAMBUK DENGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH PARA HADIRAN.

MENURUTNYA LAGI, SESEORANG RAKYAT MALAYSIA BOLEH SELAMAT BERJALAN DI MANA-MANA KAWASAN DI NEGARA INI TETAPI TIDAK PULA SEDEMIKIAN BILA BERADA DI SATU-SATU KAWASAN DI NEGARA-NEGARA TERTENTU.

BELIAU SETERUSNYA BERKATA, KEAMANAN YANG DIMILIKI OLEH NEGARA KINI PERLU TERUS DIJAGA DAN MENGESAKAN BAHAWA HANYA BARISAN NASIONAL SAHAJA YANG BOLEH MEMASTIKAN IA TERUS TERJAMIN.

BELIAU YANG JUGA MENYENTUH ASAL USUL BERISAN NASIONAL BERKATA BN DITUBUH ATAS DASAR SALING BEKERJASAMA ANTARA PARTI-PARTI YANG MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA PARTI-PARTI BERKENAAN. -- LAGI.
2004MST 03 05 86

D112

U 8862 DEB
MAHATHIR - KOMPONEN 4 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, ORANG-ORANG INDIA TIDAK MUNGKIN ADA WAKILNYA (DALAM KERAJAAN) JIKA HANYA BERDASARKAN KAWASAN-KAWASAN KERANA TIADA SATUPUN KAWASAN PILIHAN RAYA DI NEGARA INI YANG MEMPUNYAI MAJORITI PENGUNDI KAUM ITU.

+TETAPI KERANA DISOKONG OLEH UMNO DAN MCA, KITA DAPAT MEMBERI TEMPAT KEPADA CALON-CALON YANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA MIC.

+KALAU MIC TIADA CALON MAKA PENDUDUK MALAYSIA YANG 10 PERATUS DARIPADANYA BERKETURUNAN INDIA TIDAK AKAN MEMPUNYAI WAKILNYA SAMA SEKALI,+ KATANYA.

BELIAU SETERUSNYA MEMINTA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI-PARTI KOMPONAN BN BERUSAHA BAGI MENJAMIN KEMENANGAN MAJORITI DUA PERTIGA SUPAYA DENGAN KEMENANGAN YANG BESAR ITU +AKAN DAPAT MEMBERI KITA KUASA UNTUK MENTADBIR NEGARA DAN SUPAYA SEMUA KAUM DAPAT BERCAKAP DENGAN KUASA.+ -- BERNAMA.

2006MST 03 05 86